



TAMBAHAN PERUNDANGAN PERSEKUTUAN

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974 [AKTA 127]

P.U. (A) 460/2003

PERINTAH KUALITI ALAM SEKELILING (AKTIVITI YANG DIISYTIHARKAN) (PEMBAKARAN TERBUKA) 2003

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* :

18 Disember 2003

Tarikh mula berkuatkuasa :

1 Januari 2004

SUSUNAN PERENGGAN

Mukadimah.

Perenggan 1. [Nama dan permulaan kuat kuasa.](#)

Perenggan 2. [Tafsiran.](#)

Perenggan 3. [Aktiviti yang diisyiharkan.](#)

Perenggan 4. [Ketidakpakaian perenggan 3.](#)

Perenggan 5. [Pembatalan.](#)

JADUAL PERTAMA.

JADUAL KEDUA.

Mukadimah.

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 29AA(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127], Menteri membuat perintah yang berikut:

Perenggan 1. Nama dan permulaan kuat kuasa.

(1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Diisyiharkan) (Pembakaran Terbuka) 2003.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2004.

Perenggan 2. Tafsiran.

Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"batang padi" termasuklah jerami padi dan rumpai sawah;

"kelengkapan pertanian" termasuklah apa-apa alat, perkakas dan rangka binaan yang digunakan bagi maksud pertanian;

"Pegawai Bomba" mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Akta Perkhidmatan Bomba 1988 [Akta 341];

"Pegawai Bomba Bantuan" mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Akta Perkhidmatan Bomba 1988;

"Pegawai Pemeriksa" mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 [Akta 167];

"pekebun kecil" ertinya pemunya atau penduduk atau wakil pemunya atau penduduk tanah yang keluasannya kurang daripada 40 hektar;

"pembakaran terbuka" ertinya apa-apa kebakaran, pembakaran atau pembaraan yang berlaku di udara bebas dan yang tidak dihalakan melalui serombong atau cerobong;

"pihak berkuasa haiwan" mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Ordinan Binatang 1953 [Ord. 17/1953];

"tanah pertanian" ertinya apa-apa tanah yang digunakan bagi maksud pertanian;

"tanaman tumbuhan" ertinya apa-apa hasil bijian, rumput, buah atau hasil pertanian lain, atau apa-apa tumbuhan pertanian;

"tumbuhan" ertinya apa-apa jenis tumbuhan atau apa-apa bahagian atau keluaran daripada sesuatu tumbuhan atau tanaman tumbuhan sama ada yang terputus atau bercantum.

Perenggan 3. Aktiviti yang diisyiharkan.

Tertakluk kepada perenggan 4, aktiviti-aktiviti yang berikut diisyiharkan bukan pembakaran terbuka sebagaimana yang ditakrifkan dalam dan bagi maksud seksyen 29A Akta selagi aktiviti itu dijalankan mengikut syarat-syarat yang dinyatakan di bawah:

(a) pembakaran apa-apa tumbuhan berpenyakit dan tumbuhan berbahaya dan kelengkapan pertanian yang berhubungan dengan tumbuhan berpenyakit dan tumbuhan berbahaya menurut suatu notis atau arahan, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah Akta Kuarantin Tumbuhan 1976—

(i) yang hendaklah ditebang dan kering sebelum dibakar;

(ii) semasa cuaca kering kecuali jika Pengawai Pemeriksa atau mana-mana pihak berkuasa lain di bawah Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 mengarahkan supaya pembakaran dilakukan serta-merta;

(iii) di antara jam 8.00 pagi dan 6.00 petang;

(iv) yang dilakukan jauh daripada jalan raya dan laluan utama yang lain;

(v) yang tidak menggunakan bahan yang mengeluarkan asap hitam sebagai bahan rabuk untuk menyalakan api;

(vi) yang tidak menyebabkan kacau-ganggu kepada penduduk yang berhampiran atau mengganggu kebolehlihatan biasa;

(vii) yang dipantau dan dikawal dengan rapi dan yang dipadamkan selepas tumbuhan berpenyakit atau tumbuhan berbahaya, dan kelengkapan pertanian yang berhubungan dengan tumbuhan berpenyakit atau tumbuhan berbahaya, dan biojisim itu terbakar semuanya; dan

(viii) yang mengenainya Ketua Pengarah telah diberitahu secara bertulis sebelum pembakaran dilakukan;

(b) pembakaran bangkai binatang, burung dan bahan yang dijangkiti menurut subseksyen 24(1) dan (2), dan 33(1) Ordinan Binatang 1953—

(i) yang dilakukan di kawasan yang ditentukan oleh pihak berkuasa haiwan;

(ii) yang tidak menggunakan bahan yang mengeluarkan asap hitam sebagai bahan rabuk untuk menyalakan api;

(iii) yang tidak menyebabkan kacau-ganggu kepada mana-mana penduduk yang berhampiran atau mengganggu kebolehlihatan biasa;

(iv) yang tidak dilakukan di atas mana-mana kawasan tanah gambut; dan

(v) yang mengenainya Ketua Pengarah telah diberitahu secara bertulis sebelum pembakaran dilakukan;

(c) pembakaran bahan api pepejal atau cecair atau rangka binaan dalam menjalankan kajian tentang punca dan pengawalan kebakaran, atau bagi melatih mana-mana Pegawai Bomba, Pegawai Bomba Bantuan, atau mana-mana kakitangan pasukan bomba daripada mana-mana organisasi persendirian, institusi pendidikan atau organisasi sukarela atau pasukan bomba

sukarela yang ditubuhkan di bawah Akta Perkhidmatan Bomba 1988, dengan kaedah-kaedah melawan kebakaran yang—

(i) yang dilakukan di tapak yang diluluskan oleh Ketua Pengarah sahaja; dan

(ii) dipantau dan dikawal dengan rapi;

(d) pembakaran tumbuhan daripada tanah yang dipugar bagi penanaman tanaman makanan atau tanaman kontan bagi maksud pertanian pindah—

(i) hendaklah yang ditebang dan kering sebelum dibakar;

(ii) semasa cuaca kering di antara jam 8.00 pagi dan jam 6.00 petang;

(iii) yang dipantau dan dikawal dengan rapi sehingga semuanya habis terbakar;

(iv) yang mengenainya Penghulu atau Ketua Kampung di kampung tempat pembakaran hendak dilakukan telah dimaklumkan sebelum pembakaran itu; dan

(v) yang tidak dilakukan di atas mana-mana kawasan tanah gambut;

(e) pembakaran batang padi sebelum penanaman semula—

(i) yang hendaklah dikeringkan selama tempoh minimum 7 hari sebelum pembakaran;

(ii) semasa cuaca kering di antara jam 1.00 petang dan jam 5.00 petang;

(iii) yang dipantau dan dikawal dengan rapi;

(iv) jika asap dan habuk yang terhasil daripada pembakaran itu tidak mengganggu lalu lintas dan jika amaran yang mencukupi tentang bahaya yang mungkin timbul telah diberikan kepada pengguna jalan raya sekiranya pembakaran dilakukan berhampiran dengan jalan raya atau laluan utama yang lain;

- (v) yang tidak menyebabkan kacau-ganggu kepada penduduk yang berhampiran atau mengganggu kebolehlihatan biasa; dan
 - (vi) yang mengenainya balai polis yang terdekat telah dimaklumkan sebelum pembakaran itu;
- (f) pembakaran daun tebu sebelum penuaian dalam suatu kawasan yang tidak melebihi 20 hektar semasa musim menuai—
- (i) bila cuaca kering;
 - (ii) di antara jam 11.00 pagi dan jam 5.00 petang;
 - (iii) jika asap dan habuk yang terhasil daripada pembakaran itu tidak mengganggu lalu lintas dan jika amaran yang mencukupi tentang bahaya yang mungkin timbul telah diberikan kepada pengguna jalan raya sekiranya pembakaran itu dilakukan berhampiran dengan jalan raya atau laluan utama yang lain;
 - (iv) yang dipantau dan dikawal dengan rapi oleh seorang yang berwibawa bagi memastikan bahawa hanya kawasan yang diperuntukkan dibakar dan api tidak merebak ke kawasan yang bersebelahan;
 - (v) yang dilakukan selepas permohonan bagi pembakaran diluluskan secara bertulis oleh Ketua Pengarah;
 - (vi) yang mengenainya balai polis yang terdekat telah dimaklumkan sebelum pembakaran; dan
 - (vii) yang tidak dilakukan di atas mana-mana kawasan tanah gambut;
- (g) pembakaran tumbuhan untuk memugar tanah bagi tujuan penanaman atau penanaman semula apa-apa tanaman tumbuhan oleh pekebun kecil dalam suatu kawasan yang tidak melebihi 2 hektar sehari—
- (i) yang hendaklah ditebang dan kering sebelum pembakaran;

- (ii) semasa cuaca kering di antara jam 8.00 pagi dan jam 6.00 petang;
 - (iii) yang tidak menggunakan bahan yang mengeluarkan asap hitam sebagai bahan rabuk untuk menyalakan api;
 - (iv) yang dilakukan jauh daripada jalan raya dan laluan utama yang lain;
 - (v) yang tidak menyebabkan kacau-ganggu kepada penduduk yang berhampiran atau mengganggu kebolehlihatan biasa;
 - (vi) yang dipantau dan dikawal dengan rapi dan yang dipadamkan selepas tumbuhan yang ditebang dan biojisim itu habis terbakar; dan
 - (vii) yang tidak dilakukan di atas mana-mana kawasan tanah gambut;
-
- (h) pembakaran tunggul nenas sebelum penanaman semula, yang kering sebelum pembakaran, dalam suatu kawasan yang tidak melebihi 6 hektar sehari—
 - (i) semasa cuaca kering di antara jam 8.00 pagi dan jam 6.00 petang;
 - (ii) yang tidak menggunakan bahan yang mengeluarkan asap hitam sebagai bahan rabuk untuk menyalakan api;
 - (iii) yang tunggul nenas tidak disembur dengan racun herba sebelum pembakaran;
 - (iv) yang dilakukan jauh daripada jalan raya dan laluan utama yang lain;
 - (v) yang tidak menyebabkan kacau-ganggu kepada penduduk yang berhampiran atau mengganggu kebolehlihatan biasa;
 - (vi) yang dilakukan selepas permohonan bagi pembakaran diluluskan secara bertulis oleh Ketua Pengarah; dan

- (vii) yang tidak dilakukan di atas mana-mana kawasan tanah gambut;
- (i) pembakaran apa-apa benda sebagai sebahagian daripada upacara keagamaan atau aktiviti penyembahan;
- (j) pembakaran mayat;
- (k) unggun api yang tidak dilakukan di atas mana-mana kawasan tanah gambut;
- (l) gril, barbeku atau tungku api di luar rumah bagi penyediaan makanan yang tidak dilakukan di atas mana-mana kawasan tanah gambut;
- (m) pembakaran tumbuhan pertanian bagi pemugaran tanah bagi maksud penanaman atau penanaman semula tanaman tumbuhan oleh peladang sara hidup di kawasan luar bandar yang tidak dilakukan di atas mana-mana kawasan tanah gambut;
- (n) pembakaran daun, dahan pokok dan pangkasan halaman di kampung-kampung di luar Bandar yang tidak dilakukan di atas mana-mana kawasan tanah gambut; dan
- (o) pembakaran gas mudah terbakar sekiranya penyaluan api perindustrian dikendalikan secara betul.

Perenggan 4. Ketidakpakaian perenggan 3.

Aktiviti-aktiviti yang diisyiharkan yang dinyatakan dalam perenggan 3, selain subsubperenggan 3(a), (i), (j), (l) dan (o), tidak terpakai bagi kawasan dalam lingkungan 30 kilometer jejari di sekitar Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, dan khususnya yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua.

Perenggan 5. Pembatalan.

Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Pembakaran Terbuka) 2000 [P.U. (A) 308/2000] dibatalkan.


JADUAL PERTAMA.

MUKIM-MUKIM DALAM LINGKUNGAN 30 KILOMETER JEJARI SEKITAR KLIA

| No. | <i>Negeri</i> | <i>Daerah</i> | <i>Mukim</i> |
|-----|-----------------|---------------|-----------------------|
| 1. | Negeri Sembilan | Seremban | Lenggeng |
| 2. | Negeri Sembilan | Jelebu | Ulu Klawang |
| 3. | Negeri Sembilan | Seremban | Setul |
| 4. | Negeri Sembilan | Seremban | Pantai |
| 5. | Negeri Sembilan | Seremban | Labu |
| 6. | Negeri Sembilan | Seremban | Seremban |
| 7. | Negeri Sembilan | Seremban | Ampangan |
| 8. | Negeri Sembilan | Seremban | Rasah |
| 9. | Negeri Sembilan | Port Dickson | Jimah |
| 10. | Negeri Sembilan | Seremban | Rantau |
| 11. | Negeri Sembilan | Port Dickson | Port Dickson |
| 12. | Negeri Sembilan | Port Dickson | Lingga |
| 13. | Negeri Sembilan | Port Dickson | Sirusa |
| 14. | Selangor | Petaling | Damansara |
| 15. | Selangor | Hulu Langat | Hulu Semenyih |
| 16. | Selangor | Hulu Langat | Cheras |
| 17. | Selangor | Petaling | Petaling |
| 18. | Selangor | Klang | Klang |
| 19. | Selangor | Hulu Langat | Kajang |
| 20. | Selangor | Sepang | Dengkil |
| 21. | Selangor | Hulu Langat | Semenyih |
| 22. | Selangor | Kuala Langat | Tanjung Duabelas |
| 23. | Selangor | Kuala Langat | Jugra |
| 24. | Selangor | Kuala Langat | Telok Panglima Garang |
| 25. | Selangor | Hulu Langat | Beranang |
| 26. | Selangor | Kuala Langat | Bandar |
| 27. | Selangor | Kuala Langat | Kelang |
| 28. | Selangor | Sepang | Labu |
| 29. | Selangor | Kuala Langat | Morib |
| 30. | Selangor | Kuala Langat | Batu |

| | | | |
|-----|---------------------|--------------|----------|
| 31. | Selangor | Sepang | Sepang |
| 32. | Wilayah Persekutuan | Kuala Lumpur | Petaling |
| 33. | Wilayah Persekutuan | Putrajaya | |

JADUAL KEDUA.



Dibuat 11 November 2003

[AS(S) 91/110/919/026; PN(PU²)280/VIII]

DATO' SERI LAW HIENG DING
Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar

Copyrights Reserved □

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in retrieval system or transmitted in any form or by any means electronic, mechanical, photocopying, recording and/or otherwise without the prior permission of Lawnet.



PRODUCED BY
LAWNET
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD